



PEMANTAUAN IBU KOTA DITINGKATKAN

JABATAN Penguatkuasaan (JPK) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan Kuala Lumpur dari semasa ke semasa ketika cuti perayaan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri ini.

Menurut Pengarahnya, Timbalan Pesuruhjaya (TPj) **Mohd Muzammer Jamaluddin**, pihaknya telah mengatur strategi bagi menangani cabaran khususnya dari aspek pemantauan sepanjang musim lebaran.

“Dari aspek tugas sepanjang musim perayaan, ia akan berjalan seperti biasa memandangkan, 50% pegawai dan kakitangan penguat kuasa yang akan melaksanakan pemantauan tertentu di lapangan serta kawasan yang telah

dikenal pasti, manakala sebanyak 30% anggota kawalan keselamatan dan skuad penyelamat akan bertugas sepanjang cuti lebaran ini.



MOHD MUZAMMER

“Selain itu, kami juga akan meneruskan rondaan di seluruh ibu kota bagi memastikan tiada sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang serta peraturan DBKL,” katanya kepada Wilayahku.

Mohd Muzammer berkata bagi memastikan keselamatan awam, DBKL bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi lain untuk mencegah aktiviti jenayah seperti kecurian, vandalisme dan penjualan mercu tanpa kebenaran.

“Pemeriksaan berkala akan dijalankan di lokasi berisiko tinggi.

“Kami juga akan bertindak terhadap

mana-mana pihak yang menjalankan perniagaan tanpa lesen, termasuk penjualan mercu secara haram,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa rondaan penguatkuasaan akan ditingkatkan di kawasan komersial dan perumahan bagi mengelakkan insiden tidak diinginkan.

Diminta mengulas mengenai keadaan Kuala Lumpur yang sering menjadi lokasi pertemuan warga asing untuk berkumpul semasa musim perayaan, beliau menjelaskan bahawa pemantauan akan dilakukan bagi memastikan ruang awam digunakan dengan tertib.

“DBKL juga akan memastikan ruang awam digunakan secara teratur dan tidak menimbulkan gangguan kepada warga kota.

“Selain itu, kita akan memastikan tiada aktiviti penjaja dilakukan dan memastikan pengunjung sentiasa menjaga kebersihan demi keselesaan semua pihak,” katanya. 📱



SEBAGIAN daripada mereka yang menyertai Program Iftar@KL di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur baru-baru ini. Warga kota yang menyambut Aidilfitri di ibu negara dinasihatkan supaya menggunakan ruang awam dengan baik.